A

PP lwn. MOHD FADHLI KHAHARRUDIN

MAHKAMAH TINGGI MALAYA, KUANTAN
HASSAN ABDUL GHANI PK
[RAYUAN JENAYAH NO: 41LB-37-12-2015]
2 JULAI 2016

B

PILIHAN RAYA: *Kesalahan – Memiliki kertas undi luar tempat mengundi – Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954, s. 3(1)(h) – Tertuduh mendapat kertas undi buat kali kedua dan menyimpannya – Tertuduh membawa keluar kertas undi dari tempat mengundi untuk mengadu kepada polis – Sama ada niat menghalalkan cara –*
C *Sempadan atau lingkungan tempat mengundi – Akta Pilihan Raya 1958, ss. 2 & 7 – Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981 – Sama ada perlu dipatuhi oleh setiap pengundi*

PROSEDUR JENAYAH: *Rayuan – Rayuan terhadap pelepasan dan pembebasan – Rayuan oleh pihak pendakwaan – Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954, s. 3(1)(h)*
D *– Kesalahan memiliki kertas undi luar tempat mengundi – Sama ada intipati pertuduhan berjaya dibuktikan – Sama ada kes prima facie berjaya dibuktikan – Sama ada tertuduh membangkitkan keraguan munasabah terhadap pertuduhan*

Sebagai seorang pengundi berdaftar, responden telah mengundi di pusat
E mengundi yang ditetapkan ('saluran 4') pada waktu pagi. Jari responden ditandakan dengan dakwat kekal dan selesai mengundi, dia pulang ke rumah lantas mencuci pakaian. Dakwat di jarinya didapati luntur. Tidak berpuas hati, responden pergi semula ke saluran 4 di tengah hari dan melalui proses pengesahan yang sama hingga dia berjaya mendapatkan kertas undi ('P5')
F untuk kali kedua. Responden tidak membuang undi. Sebaliknya dia menunjukkan P5 kepada seorang pegawai polis sambil mengadu bahawa dia berjaya mengundi dua kali dan dakwat tidak kekal. Responden dihadapkan ke Mahkamah Majistret atas pertuduhan melakukan kesalahan di bawah s. 3(1)(h) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 ('Akta'). Majistret berpuas hati bahawa pihak pendakwaan berjaya membuktikan intipati pertuduhan iaitu
G responden memiliki kertas undi di luar tempat mengundi. Responden dipanggil membela diri. Dalam pembelaannya, responden mendalihkan bahawa dia tidak membuang undi tetapi menyimpan P5 dan nombor saluran untuk membuktikan kelemahan prosedur dan kredibiliti Suruhanjaya Pilihan Raya ('SPR'). Pada penutup perbicaraan, Majistret melepaskan dan
H membebaskan responden atas alasan, antara lain, (i) responden sekadar menguji keberkesanan peraturan pilihan raya; dan (ii) tidak ada sebarang tanda/sempadan tempat mengundi. Oleh itu, timbul rayuan ini. Pihak pendakwaan menyatakan bahawa Majistret terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang dalam melepaskan dan membebaskan responden dan
I menghujahkan bahawa (i) keterangan sedia ada cukup untuk mensabitkan responden atas pertuduhan; (ii) niat responden menguji keberkesanan

peraturan pilihan raya tidak menghalalkan cara; dan (iii) terdapat papan notis dengan tulisan jelas 'Tempat Mengundi'. Dengan itu, tidak wujud isu responden tidak tahu tentang sempadan atau lingkungan sebenar tempat mengundi.

Diputuskan (membenarkan rayuan):

(1) Keterangan dokumentar membuktikan saluran 4 adalah tempat mengundi dan responden memiliki kertas undi di luar tempat mengundi. Majistret terkhilaf apabila melepaskan dan membebaskan responden di akhir kes pembelaan sedangkan terdapat keterangan kukuh dan mencukupi untuk mensabitkan responden atas pertuduhan. (perenggan 23 & 24)

(2) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981 ('Peraturan') menetapkan proses mengundi yang perlu dipatuhi oleh setiap pengundi. Berdasarkan Peraturan ini, pengundi mempunyai obligasi tertentu yang ditetapkan untuk dipatuhi iaitu, antara lain, (i) menerima kertas undi; (ii) pergi ke tempat mengundi; (iii) menanda kertas undi; (iv) melipat kertas undi; (v) memasukkan kertas undi dalam peti undi; dan (vi) meninggalkan kawasan tempat mengundi. Responden gagal memasukkan P5 dalam peti undi maka dia gagal mematuhi arahan yang ditetapkan oleh Peraturan. Niat tidak relevan kerana undang-undang telah menetapkan kertas undi tidak boleh dibawa keluar dari tempat mengundi. Apa jua alasan yang dikemukakan oleh responden tidak wajar diterima. (perenggan 25 & 27)

(3) Majistret terkhilaf dalam memutuskan bahawa terdapat keraguan dalam sempadan tempat mengundi. Seksyen 2 Akta Pilihan Raya 1958 mentafsirkan tempat mengundi sebagai mana-mana bilik, binaan, kenderaan atau vessel di tempat yang ditetapkan di bawah s. 7 yang dikhaskan dan dilengkapkan bagi maksud mengundi dan mengira undi. Saluran 4, iaitu bilik darjah di sebuah sekolah, adalah tempat mengundi yang ditetapkan oleh SPR. Paparan masuk dan keluar memberi kefahaman dan notis kepada pengundi sebagai tempat masuk sebelum membuang undi dan keluar setelah selesai. Tidak timbul isu tidak ada sempadan atau tanda di tempat mengundi. Tambahan lagi, sepanjang perbicaraan, responden tidak pernah menyatakan kekeliruannya tentang notis-notis atau arahan-arahan oleh kerani pengundian. (perenggan 22)

(4) Responden gagal menimbulkan keraguan munasabah terhadap kes pihak pendakwaan dan didapati bersalah serta disabitkan atas pertuduhan. Perintah pelepasan dan pembebasan responden oleh Majistret diketepikan. Responden dikenakan denda RM3,000; jika gagal enam bulan penjara. Sebagai perintah tambahan seperti yang diperuntukkan di bawah s. 3(1)(h) Akta, responden tidak boleh didaftarkan dan disenaraikan sebagai seorang pemilih atau mengundi dalam mana-mana pilihan raya atau dipilih dalam mana-mana pilihan raya sehingga tamat tempoh lima tahun dari tarikh sabitan. (perenggan 38 & 39)

Kes-kes yang dirujuk:
Arumugam & Anor v. Rex [1946] 1 LNS 1 HC ***(dirujuk)***
Hussain Ibrahim & Satu lagi lwn. PP [2012] 10 CLJ 416 HC ***(dirujuk)***
PP v. Hamid Shamsi Kavishasi [2015] 3 CLJ 789 CA ***(dirujuk)***
PP v. Teo Eng Chan & Ors [1988] 1 CLJ 425; [1988] 2 CLJ (Rep) 793 HC ***(dirujuk)***
PP v. Wong Haur Wei [2008] 7 CLJ 200 HC ***(dirujuk)***
Tan Khee Wan Iris v. PP [1995] 2 SLR 63 ***(dirujuk)***
Tan Kim Ho & Anor v. PP [2009] 3 CLJ 236 FC ***(dirujuk)***
Wong Swee Chin v. PP [1980] 1 LNS 138 FC ***(dirujuk)***

Perundangan yang dirujuk:
Elections (Conduct of Elections) Regulations 1981, regs. 16, 19(4), (5)
Elections Act 1958, ss. 2, 7
Election Offences Act 1954, ss. 2(2), 3(1)(h)
Penal Code, s. 79

Bagi pihak perayu/pendakwaan - Mirza Mohamad; TPR
Bagi pihak responden/tertuduh - Bastian Vendargon, Hon Kai Peng & Gene Vendargon; T/n Bastian Vendargon

[Nota pengarang: Rayuan dari Mahkamah Majistret, Kuantan; Kes Jenayah No: 83-823-12-2014.]

Dilaporkan oleh Najib Tamby

PENGHAKIMAN

Hassan Abdul Ghani PK:

Pengenalan

[1] Rayuan ini dikemukakan oleh perayu yang tidak berpuas hati dengan keputusan Puan Majistret yang memutuskan di akhir kes pembelaan, responden telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pihak pendakwaan dan telah dilepaskan dan dibebaskan dari pertuduhan.

[2] Pertuduhan terhadap responden adalah seperti berikut:

> Bahawa kamu pada 5.5.2013 jam lebih kurang 1.15 petang, bertempat di Saluran 4, Sekolah Kebangsaan Sg. Isap, didalam Daerah Kuantan, di Negeri Pahang Darul Makmur, didapati memiliki mana-mana kertas undi diluar tempat mengundi. Oleh yang demikian kamu telah melakukan suatu kesalahan dibawah seksyen 3(1)(h) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 dan boleh dihukum dibawah seksyen 3(1) Akta yang sama.

Fakta Kes

[3] Secara ringkas fakta kes pihak pendakwaan adalah seperti berikut. Responden merupakan seorang pengundi berdaftar dan layak untuk mengundi dalam Pilihan Raya Umum tahun 2013 yang diadakan pada 5 Mei 2013. Beliau mendaftar untuk mengundi di saluran 4, iaitu tempat mengundi di Pusat Mengundi, Sekolah Kebangsaan Sungai Isap.

[4] SP3 mengatakan pada hari kejadian, beliau bertugas sebagai kerani pengundian di SK Sg Isap dan ditempatkan di tempat mengundi di saluran 4. Selain beliau, SP4, SP5 dan SP7 juga bertugas di tempat mengundi tersebut sebagai kerani pengundian. Setiap mereka diberi tugasan yang berasingan dan kaunter yang khas di dalam tempat mengundi tersebut. Di antara tugasan mereka ialah menyemak nama pengundi melalui buku daftar pemilih, memeriksa dan mencalit jari, menyerahkan kertas undi kepada pengundi dan memastikan kertas undi betul-betul dimasukkan kedalam peti undi. Tugas-tugas kerani pengundian ini ditentukan oleh ketua tempat mengundi iaitu SP6 dan portfolionya boleh berubah-ubah diatas arahan SP6, mengikut keperluan semasa. Saksi-saksi pendakwa ini mengesahkan kesemua proses mengundi iaitu menyemak nama pemilih, calit dakwat di jari, pemberian kertas undi dan pembuangan kertas undi di dalam peti undi adalah teratur.

[5] SP2 mengatakan pada hari berkenaan, beliau bertugas di bahagian pintu masuk saluran 4 dan disediakan satu meja bagi menjaga keselamatan pengundi yang masuk ke dalam tempat mengundi tersebut. SP2 telah menandakan meja tersebut sebagai 'X' di dalam foto C, eks. P1. Adalah jelas bahawa 'X' ini berada di bahagian luar tempat mengundi berdekatan dengan pintu masuk.

SP2 mengatakan, pada jam 1.15 petang, 5 Mei 2013 responden telah datang berhampiran mejanya di bahagian kiri dan mengatakan, dia ingin membuat aduan polis kerana telah berjaya mengundi dua kali dan dakwat kekal tak kekal, sambil menunjukkan kertas undi, eks. P5 kepada SP2.

SP2 telah memaklumkan aduan di atas kepada SP6 selaku ketua tempat mengundi. SP6 telah bertemu dengan responden yang menunjukkan kertas undi tersebut di depan pintu masuk tempat mengundi di mana terdapat kerusi batu yang juga terletak di luar tempat mengundi. Selanjutnya, SP6 telah merampas kertas undi tersebut.

[6] Pegawai penyiasat, SP10 telah melakarkan rajah kasar dan kunci, P11 yang menunjukkan keadaan di dalam tempat mengundi tersebut di antaranya meja ketua tempat mengundi, meja ejen-ejen parti, meja kerani pengundian, tempat memangkah dan peti undi. Manakala eks. P1 foto C, D dan E dengan jelas membuktikan lokasi dan keadaan di dalam tempat mengundi no. 4 (saluran). Mengikut foto F, di tempat mengundi tersebut, terdapat petugas-petugas pilihan raya/kerani pengundian, susun atur meja tempat petugas-petugas dan peti-peti undi. Lokasi meja yang ditanda oleh SP2 sebagai 'X' di dalam eks. P1 foto C ini adalah jelas berada di luar tempat mengundi.

[7] Berasaskan kepada keterangan di atas, adalah jelas bahawa responden telah memiliki kertas undi, P5 dan semasa dia mendatangi dan menunjukkan kertas undi, P5 kepada SP2 dengan tujuan untuk membuat laporan polis, dia telah berada di luar tempat mengundi. Justeru itu pada pendapat mahkamah ini, puan Majistret tidak khilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila

memutuskan di akhir kes pendakwaan, pihak pendakwa telah berjaya membuktikan satu kes *prima facie* dan telah memanggil responden untuk membela diri di atas pertuduhan.

[8] Di peringkat kes pembelaan, responden telah memilih untuk memberikan keterangan secara bersumpah. Beliau tidak memanggil mana-mana saksi. Semasa memberikan keterangan, responden mengesahkan segala proses dan prosedur untuk membuang undi telah dimaklumkan kepadanya oleh kerani pengundian dan beliau memahaminya. Responden mengatakan dia telah mengundi kali pertama lebih kurang jam 10.30 pagi pada 5 Mei 2013. Jarinya telah ditandakan dengan "dakwat kekal" sebelum menerima kertas-kertas undi untuk kedua-dua kerusi Parlimen dan Negeri (DUN). Setelah selesai membuang undi, beliau telah pulang ke rumahnya. Selepas responden mencuci baju, beliau dapati dakwat di jarinya telah luntur. Responden berasa terkilan kerana percaya dengan pengumuman Suruhanjaya Pilihan Raya sebelum ini yang menjanjikan dakwat tersebut tidak mudah luntur. Responden juga telah membaca dakwaan orang ramai di dalam Facebook yang mengatakan dakwat tersebut tidak kekal.

[9] Responden berasa tidak berpuas hati dan lebih kurang pukul 1.15 petang hari yang sama, beliau telah pergi semula ke pusat mengundi tersebut iaitu Sekolah Kebangsaan Sg Isap. Responden pergi ke saluran 4 iaitu tempat mengundi yang sama di mana dia membuang undi di sebelah paginya. Responden beratur mengikut giliran sama seperti prosedur mengundi di sebelah pagi. Di tempat kerani pengundian yang bertugas, responden menyerahkan kad pengenalannya untuk disemak dan selepas itu namanya telah dipanggil. Selepas proses pengesahan, jarinya juga telah dicalit dengan "dakwat kekal" untuk kali kedua oleh kerani pengundian yang bertugas di kaunter berkenaan. Responden seterusnya telah berjaya mendapat kertas undi untuk kali kedua bagi kedua-dua kerusi Parlimen dan Negeri (DUN) dari petugas di kaunter penyerahan kertas undi.

[10] Selepas mendapatkan kertas undi untuk kali kedua, responden tidak membuang undi dan tidak memasukkan kertas undi ke dalam kotak undi tetapi terus pergi menuju ke anggota polis (SP2) yang bertugas di pintu masuk tempat mengundi. Responden di dalam keterangannya mengatakan seperti berikut:

> Saya ke polis bertugas, saya nak bagitahu ini tak patut berlaku. Saya nak report polis. Saya tak undi kali kedua. Saya tak buang undi. Saya ambil kertas undi terus cari polis di Saluran 4.
>
> Polis minta IC saya dan saya tunjukkan. Saya katakan kepada polis, 'encik saya dapat kertas undi kali kedua, saya nak buat laporan polis'. Saya tunggu disitu sementara dia panggil seorang lagi pegawai polis.

[11] Selanjutnya, responden telah membuat laporan polis, P9. Di antara lain di dalam P9, beliau menyatakan seperti berikut:

(i) Sewaktu undi kedua saya tidak membuang undi, tetapi berhasrat menyimpan kertas undi dan nombor saluran sebagai bukti bahawa terdapatnya prosedur dan kredibiliti SPR yang lemah.

(ii) "… seperti dakwat yang tidak kekal dan kebolehan mendaftar sebanyak dua kali …" tetapi tidak dibenarkan oleh ketua tempat mengundi (KTM) di pusat saluran 4.

[12] Di akhir kes pembelaan, puan Majistret telah melepaskan dan membebaskan responden di atas alasan-alasan berikut:

(i) responden dengan jelas mengatakan, setelah menerima kertas undi untuk kali kedua, dia ingin memaklumkan kepada SP2 perkara tersebut tidak patut berlaku;

(ii) responden tidak berhasrat untuk membawa keluar kertas undi dari tempat mengundi. Jika dia ingin membawa kertas undi keluar dari tempat mengundi, dia boleh keluar menggunakan pintu satu lagi yang dikhaskan untuk keluar dan bukan pintu di mana ada anggota polis bertugas;

(iii) di dalam gambar yang menunjukkan saluran 4, tidak ada sebarang tanda atau sempadan yang menunjukkan had kawasan tempat mengundi. responden yang memegang kertas undi membawanya kepada SP2 yang betul-betul berada di pintu masuk saluran 4.

(iv) tidak ada keterangan dari pegawai SPR yang berkait dengan had atau sempadan tempat mengundi. Oleh itu wujud keraguan sama ada tempat responden berdiri itu masih berada di dalam atau di luar tempat mengundi; dan

(v) responden tidak melakukan kesalahan membawa keluar kertas undi dari tempat mengundi, beliau masih berada di tempat mengundi hanya dia tidak memasukkan kertas undi ke kotak/peti undi. Dia membawa kertas undi kepada anggota polis bertugas dengan suci hati ingin membuat laporan polis, kerana beliau telah berupaya untuk mendapatkan kertas undi untuk kali kedua.

Petisyen Rayuan

[13] Di dalam petisyen rayuannya, perayu telah mengemukakan tiga alasan utama iaitu:

(i) puan Majistret terkhilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila melepas dan membebaskan responden di akhir kes pembelaan sedangkan keterangan-keterangan yang ada mencukupi untuk responden disabitkan dengan kesalahan tersebut;

A (ii) puan Majistret telah khilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila diakhir kes pembelaan memutuskan bahawa responden hanya cuba untuk menguji keberkesanan peraturan pilihan raya sedangkan perbuatan responden jelas bertentangan dengan undang-undang; dan

B (iii) puan Majistret khilaf dari segi fakta dan undang-undang apabila memutuskan tidak ada sebarang tanda/sempadan tempat mengundi dalam kes ini sedangkan keterangan pihak pendakwaan mencukupi untuk menjelaskan perkara tersebut.

[14] Berkait dengan isu (i), perayu mengatakan keterangan SP2 C mengesahkan responden telah mendatanginya dengan menunjukkan kertas undi, eks. P5 di luar tempat mengundi, saluran 4 dan menyerahkan P5 kepada SP6 berdekatan kerusi batu yang juga berada di luar tempat mengundi. Keterangan SP2 dan SP6 disokong oleh keterangan kerani-kerani pengundian dan juga ejen parti (SP8) yang mengesahkan berlaku kekecohan di luar saluran 4. Keterangan ini disokong oleh keterangan dokumen iaitu D eks. P1-foto C dan laporan polis oleh defendan sendiri, P9. Perayu juga berhujah bahawa, responden sendiri mengakui dia berada di luar tempat mengundi semasa memiliki kertas undi dan tidak pernah mencabar keterangan pihak pendakwa berkait dengan lokasi tersebut.

E **[15]** Berkait dengan isu (ii) perayu mengatakan puan Majistret telah jelas khilaf kerana mengatakan responden tidak berniat untuk mengeluarkan kertas undi keluar dari tempat mengundi tetapi hanya cuba untuk menguji keberkesanan peraturan pilihan raya sedangkan perbuatan atau tindakan responden membawa keluar kertas undi merupakan satu perbuatan yang melanggar undang-undang. Perayu menekankan di dalam penghujahannya F 'Niat tidak menghalalkan cara'.

[16] Berkait dengan isu (iii), perayu mengatakan responden sendiri mengakui beliau telah masuk dan keluar dari tempat mengundi mengikut pintu-pintu yang telah dikhaskan untuk masuk dan keluar semasa mengundi kali pertama sebelum beliau datang semula untuk mengundi kali kedua. G Perayu sekali lagi mengulangi penghujahannya bahawa eks. P1 foto C, D dan E secara terang-terangan memaparkan tulisan "tempat mengundi" No. 4 (saluran). Menurutnya paparan notis ini dengan jelas merupakan satu pemakluman atau pemberitahuan kepada responden atau orang awam bahawa tempat itu adalah tempat mengundi dan merupakan had sempadan H tempat mengundi. Justeru itu perayu berhujah tidak wujud isu responden tidak tahu berkait dengan persempadanan atau lingkungan sebenar tempat mengundi yang telah mengelirukan responden dan telah mewujudkan keraguan di dalam kes pendakwaan.

I

Dapatan Mahkamah

[17] Setelah meneliti keseluruhan keterangan, berkait dengan isu (i) yang dibangkitkan oleh perayu, dapatan mahkamah adalah seperti berikut.

[18] Di dalam kes ini responden dituduh melakukan kesalahan di bawah s. 3(1)(h) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 yang memperuntukkan:

> (1) Mana-mana orang yang:
>
> (h) tanpa kuasa yang sewajarnya membawa keluar dari tempat mengundi atau didapati memiliki mana-mana kertas undi diluar sesuatu tempat mengundi.

[19] Seksyen 2 Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 tidak memberikan sebarang tafsiran mengenai maksud tempat mengundi. Sungguhpun begitu, tafsiran tempat mengundi terdapat di dalam Akta Pilihan Raya 1958 di bawah s. 2. Isunya adalah sama ada tafsiran di bawah s. 2 Akta Pilihan Raya 1958 boleh diguna pakai bagi maksud tafsiran tempat mengundi di bawah Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954.

Subseksyen 2(2) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 memperuntukkan seperti berikut:

> (2) Apa-apa perkatan atau ungkapan yang digunakan dalam Akta ini, yang ertinya ditakrifkan dalam mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan mana-mana pilihan raya, hendaklah mempunyai erti yang sama dalam Akta ini, bagi maksud dan berkenaan dengan pilihan raya itu, seperti yang dipunyainya dalam undang-undang bertulis yang tersebut itu; dan apa-apa sebutan dalam Akta ini mengenai mana-mana orang atau pegawai hendaklah, bagi maksud dan berkenaan dengan mana-mana pilihan raya, ditafsirkan sebagai sebutan mengenai mana-mana orang atau pegawai yang setaraf yang dilantik dibawah atau menurut mana-mana undang-undang bertulis yang berhubungan dengan pilihan raya itu.

[20] Justeru itu berasaskan peruntukan di atas, mahkamah ini berpendapat tafsiran 'tempat mengundi' di bawah s. 2 Akta Pilihan Raya 1958 boleh diguna pakai untuk mentafsirkan tempat mengundi di bawah Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 oleh kerana kedua-dua Akta berkenaan adalah berkait atau berhubungan dengan pilihan raya.

[21] Seksyen 2 Akta Pilihan Raya 1958 mentafsirkan tempat mengundi sebagai mana-mana bilik, binaan, kenderaan atau vessel, di tempat yang ditetapkan di bawah s. 7, yang dikhaskan dan dilengkapkan bagi maksud mengundi dan mengira undi. Ini bermakna seperti yang telah ditafsirkan, tempat mengundi bermakna mana-mana bilik atau binaan di mana pengundi dibenarkan masuk bagi tujuan mengundi pada masa pilihan raya.

[22] Keterangan yang ada membuktikan berasaskan kepada paparan notis, tempat mengundi no. 4 (saluran) sebuah kelas atau bilik darjah telah ditetapkan sebagai tempat mengundi di pusat mengundi Sek. Keb. Sungai Isap. Ini bermakna saluran 4 adalah tempat mengundi yang telah disediakan oleh Suruhajaya Pilihan Raya. Paparan notis masuk dan keluar memberikan kefahaman dan notis kepada pengundi sebagai tempat masuk sebelum membuang undi dan keluar dari tempat mengundi selepas selesai membuang undi. Begitu juga eks. P1 foto C, D dan E serta rajah kasar dan kunci, P11 membuktikan saluran 4 adalah lokasi yang dikhaskan sebagai tempat mengundi.

Di sepanjang perbicaraan, responden tidak pernah mengatakan kekeliruannya sama ada terhadap notis-notis serta arahan-arahan yang terdapat di luar tempat mengundi, arahan-arahan oleh kerani pengundian, arahan-arahan oleh SP2 atau SP6 mahupun lokasi tempat mengundi tersebut. Adalah menjadi dapatan puan Majistret bahawa segala proses dan prosedur untuk membuang undi telah dimaklumkan kepada responden dan ianya adalah teratur dan menurutnya responden faham akan proses pilihan raya tersebut. Keterangan SP2 dan SP6 mengesahkan responden telah membawa keluar kertas undi dari tempat mengundi. Pihak responden memang sedia mengetahui berkait dengan tempat mengundi tersebut kerana seperti yang telah diakui, pada sebelah paginya beliau telah membuang undi di tempat yang sama. Semasa dia datang untuk mengundi kali kedua, responden juga menuju ke tempat mengundi yang sama. Justeru itu adalah tidak pelik apabila responden mengakui semasa pemeriksaan balas oleh TPR, beliau berada di luar tempat mengundi ketika memiliki kertas undi berkenaan. Lihat ms. 116 RR. Keterangan SP2 dan SP6 bahawa responden berada di luar tempat mengundi, tidak pernah dipertikaikan dan dicabar oleh pihak pembelaan. Ini bermakna mereka menerima keterangan SP2 dan SP6 sebagai benar iaitu SP2 ditempatkan dan bertugas di sebuah meja yang terletak di luar pintu masuk tempat mengundi dan responden menyerahkan kertas undinya kepada SP2 sewaktu SP2 sedang bertugas dan berada di meja tersebut. Lihat kes *Wong Swee Chin v. PP* [1980] 1 LNS 138; [1981] 1 MLJ 212. Bahkan jika kita mengkaji bentuk soalan semasa pemeriksaan balas di peringkat pendakwaan, pihak pembelaan tidak pernah menafikan bahawa lokasi semasa responden mendatangi SP2 adalah di luar tempat mengundi di saluran 4.

Di ms. 25 RR:

> S: Apabila OKT keluar ke pintu dekat 'X' itu dan tunjukkan kertas undi, apa tindakan pertama kamu?
>
> J: Saya terus maklum kepada Ketua Tempat Mengundi En. Ghaffar.

Soalan ini membuktikan responden menerima hakikat bahawa beliau telah membawa kertas undi untuk ditunjukkan kepada SP2 yang berada di 'X' iaitu di luar tempat mengundi.

[23] Bersandarkan kepada alasan di atas, mahkamah ini berpendapat adalah nyata bahawa puan Majistret telah melakukan kekhilafan apabila memutuskan pada awalnya di akhir kes pendakwaan, pihak pendakwa telah berjaya membuktikan kes *prima facie* yang bermakna beliau berpuas hati bahawa pihak pendakwa telah berjaya membuktikan elemen-elemen pertuduhan iaitu responden telah memiliki kertas undi di luar tempat mengundi tetapi di akhir kes pembelaan beliau memutuskan terdapat keraguan berkait dengan sempadan tempat mengundi.

Mahkamah ini berpendapat terdapat keterangan langsung iaitu keterangan SP2 dan SP6 dan keterangan dokumentar iaitu eks. P1, foto C, D dan E serta P9 yang membuktikan saluran 4 adalah tempat mengundi dan responden telah memiliki kertas undi di luar tempat mengundi.

[24] Justeru itu mahkamah ini bersetuju dengan penghujahan perayu bahawa puan Majistret terkhilaf apabila melepaskan dan membebaskan responden di akhir kes pembelaan sedangkan terdapat keterangan yang kukuh dan mencukupi untuk responden disabitkan di atas pertuduhan.

[25] Berkait dengan isu (ii), Puan Majistret di dalam dapatannya mengatakan responden tidak ada niat untuk mengundi. Tujuan dia pergi berjumpa dengan SP2 adalah untuk membuat laporan polis. Puan Majistret mengatakan pembelaan responden bukanlah 'afterthought' kerana ianya disokong oleh laporan polisnya P9 dan keterangan saksi-saksi pendakwaan SP2, SP6 dan SP8.

Mahkamah ini berpendapat niat adalah tidak relevan kerana undang-undang telah menetapkan kertas undi tidak boleh dibawa keluar dari tempat mengundi. Perbuatan responden tersebut adalah jelas menyalahi undang-undang di bawah Peraturan 19 Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya 1981) iaitu proses undi yang perlu dipatuhi oleh setiap pengundi.

[26] Peraturan 19(4) dan (5) Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981 memperuntukkan seperti yang berikut:

> (4) Apabila menerima kertas undi itu, pengundi itu hendaklah dengan serta merta pergi ke suatu tempat dalam tempat mengundi itu sebagaimana yang ditunjukkan oleh ketua tempat mengundi atau oleh mana-mana orang yang bertindak dibawah kuasanya dan disitu dia hendaklah secara rahsia menandakan kertas undi itu mengikut arahan yang diberikan bagi panduan pengundi yang disebut dalam subperaturan 13(2).
>
> (5) Kemudiannya pengundi itu hendaklah melipat kertas undi itu untuk merahsiakan tandanya dan hendaklah memasukkannya kedalam peti undi dan tanpa kelengahan tidak wajar hendaklah kemudiannya dengan serta merta meninggalkan kawasan tempat mengundi itu

[27] Mahkamah ini berpendapat berdasarkan kepada peraturan di atas, adalah jelas bahawa pengundi mempunyai obligasi tertentu yang telah ditetapkan di bawah undang-undang untuk dipatuhi iaitu di antaranya:

(a) menerima kertas undi;

(b) pergi ke suatu tempat untuk mengundi;

(c) menandakan kertas undi;

(d) melipat kertas undi;

(e) memasukkan ke dalam peti undi; dan

(f) meninggalkan kawasan tempat mengundi.

[28] Oleh kerana di dalam kes ini responden telah gagal untuk memasukkan kertas undi di dalam peti undi maka adalah jelas, responden telah gagal untuk mematuhi arahan yang telah ditetapkan di bawah Peraturan 19 Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981. Justeru itu apa jua alasan yang diberikan oleh pihak responden sama ada untuk menguji proses dan kredibiliti Suruhanjaya Pilihan Raya atau untuk memaklumkan kepada pihak berwajib atau berkuasa sama ada dakwat kekal adalah tidak kekal atau dia mengambil tindakan tersebut di atas dasar tanggungjawab, tidak wajar diterima. Adalah nyata bahawa undang-undang telah menetapkan kertas undi hendaklah dimasukkan di dalam peti undi dan tidak boleh dibawa keluar dari tempat mengundi.

[29] Mahkamah ini berpendapat, jika responden berniat jujur dan ikhlas untuk membuat bantahan atau menguji keberkesanan prosedur sistem pilihan raya mahupun kredibiliti Suruhanjaya Pilihan Raya, dia boleh berbuat demikian dengan menyerahkan kertas undi kepada pegawai yang sedang bertugas didalam tempat mengundi iaitu kerani pengundian atau ketua tempat mengundi ataupun ejen-ejen parti. Responden tidak menyentuh langsung di dalam pembelaannya, kenapa beliau tidak mengambil tindakan sedemikian yang mungkin telah menghalalkan caranya tetapi memilih untuk menyatakan ketidakpuasan hatinya kepada SP2 yang bertugas di luar tempat mengundi melalui lunas-lunas atau saluran yang bertentangan dengan undang-undang. Di dalam kes ini, tindakan responden membawa keluar kertas undi dari tempat mengundi adalah secara terang-terangan menunjukkan niat buruknya untuk melakukan kesalahan tersebut. Responden tidak pada bila-bila masa sepanjang perbicaraan menyatakan beliau dengan tidak sengaja atau tanpa disedari telah membawa keluar kertas undi tersebut. Walaupun dakwaan responden mungkin benar bersandarkan kepada keterangan yang ada di hadapan mahkamah iaitu beliau berjaya mengundi untuk kali kedua dan kesan dakwat di jarinya tidak dapat dikesan oleh kerani undi atau kesan dakwat di jarinya telah luntur, tindak tanduk responden jelas silap apabila pergi mengundi dua kali dan selepas itu membawa keluar kertas undi dari tempat mengundi. Inilah yang dikatakan 'the ends did not justify the means'.

[30] Peguam bela responden berhujah mereka boleh bergantung kepada pembelaan alternatif dibawah s. 79 Kanun Keseksaan kerana responden tidak membuat apa-apa kesalahan. Tindakan-tindakan apa jua respon yang diambil oleh responden adalah disebabkan oleh kesalahan fakta iaitu pertamanya sama ada pegawai polis yang ditempatkan di saluran 4 berada di dalam atau di luar had/garis sempadan pusat mengundi dan kedua kerana responden berniat baik kerana beliau dengan suci hati mendatangi SP2 dengan tujuan untuk membuat laporan polis kerana beliau telah berjaya untuk mendapat kertas undi kali kedua.

[31] Seksyen 79 Kanun Keseksaan memperuntukkan bahawa sesuatu perbuatan itu yang dilakukan oleh seseorang yang mana perbuatan itu dibenarkan di bawah undang-undang atau perbuatan itu telah dilakukan atas kesilapan fakta tidak menjadi satu kesalahan.

[32] Di dalam kes *Hussain Ibrahim & Satu Lagi lwn. PP* [2012] 10 CLJ 416, mahkamah mengatakan kesilapan tersebut mestilah kesilapan fakta dan bukannya kesilapan undang-undang dan kesilapan tersebut telah berlaku secara niat mulia. Beban atas perayu untuk membuktikan mereka telah bertindak dengan cara penuh perhatian dan berhati-hati. Menurut keterangan penyerahan bungkusan telah dibuat secara tergesa-gesa. Beban pembuktian atas pihak pembelaan untuk membuktikan telah berlaku satu kesilapan fakta dalam kes ini dan tahap pembuktian atas pihak pembelaan adalah atas imbangan kebarangkalian (lihat *Tan Khee Wan Iris v. PP* [1995] 2 SLR 63, *Arumugam & Anor v. Rex* [1946] 1 LNS 1, *PP v. Teo Eng Chan & Ors* [1988] 1 CLJ 425; [1988] 2 CLJ (Rep) 793 dan *PP v. Wong Haur Wei* [2008] 7 CLJ 200.

[33] Mahkamah ini berpendapat pembelaan alternatif responden ini tidak termasuk di bawah skop s. 79 KK kerana ia adalah nyata bahawa kesilapan yang dilakukan oleh responden bukan kesilapan fakta tetapi kesilapan undang-undang yang bertentangan dengan Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 dan Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981. Justeru itu pembelaan ini adalah tidak bermerit dan sewajarnya ditolak oleh mahkamah. Di dalam kes *PP v. Wong Haur Wei (supra)*, mahkamah memutuskan seperti yang berikut:

> [26] In my view, the principles governing the defence under s. 79 may be stated as follows:
>
> (1) The mistake must be a mistake of fact and not a mistake of law, as ignorance of law is no excuse.

[34] Berkait dengan isu (iii) mahkamah ini berpendapat tidak ada keperluan untuk pegawai pilihan raya menjelaskan kepada responden kawasan atau sempadan tempat mengundi kerana elemen-elemen kesalahan di bawah s. 3(1)(h) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954 telah dipenuhi. Ini kerana responden dengan nyata telah gagal untuk memenuhi tanggungjawabnya sebagai pengundi seperti yang dihuraikan di perenggan 25, 26, 27 dan 28 penghakiman.

[35] Walau bagaimanapun jika ianya perlu dijelaskan, tindakan ini telah diambil oleh petugas-petugas pilihan raya yang bertugas di tempat mengundi. Puan Majistret sendiri setelah meneliti fakta, memutuskan segala proses dan prosedur untuk membuang undi telah dimaklumkan kepada responden oleh petugas-petugas pilihan raya di tempat mengundi dan dia faham akan proses pilihan raya tersebut. Bahkan keterangan yang tidak dipertikaikan jelas membuktikan responden tahu sempadan atau kawasan tempat mengundi kerana ini kali kedua dia datang untuk mengundi di tempat mengundi tersebut. Responden sendiri mengakui dia telah memasukkan kertas undi kali pertama di dalam peti undi yang terletak di dalam tempat mengundi. Responden sendiri mengakui semasa diperiksa balas oleh pihak pendakwa, semasa dia berjumpa dengan SP2 untuk menyerahkan kertas undi, dia berada di luar tempat mengundi. Responden tidak pernah menyatakan apabila datang untuk kali kedua beliau dapati telah berlaku perubahan sama ada di dalam susun atur kaunter di dalam tempat mengundi, pintu keluar masuk ke tempat tersebut dan juga paparan notis tempat mengundi. Justeru itu, mahkamah ini berpendapat, pembelaan responden tentang kekeliruan sempadan tempat mengundi adalah satu pembelaan yang 'afterthought'. Oleh yang demikian, mahkamah ini memutuskan puan Majistret telah khilaf apabila mengatakan wujud keraguan sama ada tempat responden berdiri masih berada di dalam atau di luar tempat mengundi oleh kerana di dalam foto saluran 4 tidak membuktikan sebarang tanda atau sempadan yang menunjukkan had tempat mengundi atau tidak ada keterangan dari pegawai Suruhanjaya Pilihan Raya yang memaklumkan had atau sempadan tempat mengundi. Oleh itu sepatutnya tidak timbul isu bahawa tidak ada persempadanan atau tanda di tempat mengundi yang dikatakan mewujudkan keraguan kepada pengundi-pengundi termasuk responden. Paparan notis yang diletakkan di tempat mengundi telah mematuhi kehendak Peraturan 16, Peraturan-Peraturan Pilihan Raya (Penjalanan Pilihan Raya) 1981.

[36] Mahkamah sedar bahawa nas-nas undang-undang memutuskan mahkamah yang mendengar rayuan tidak akan mencampuri atau mengganggu keputusan fakta mahkamah bawahan kecuali jika terdapat kesilapan fakta atau undang-undang yang jelas dan menyebabkan berlakunya ketidakadilan kepada pihak-pihak. Di dalam kes *Tan Kim Ho & Anor v. PP* [2009] 3 CLJ 236 mahkamah memutuskan seperti yang berikut:

> It is an established principle that when dealing with finding of facts, the trial judge is more often than not, in a better position to decide. The appellate court must be reluctant to interfere with findings unless the facts obviously disclose the courts below had clearly and wrongly evaluated the facts.

[37] Di dalam kes *PP v. Hamid Shamsi Kavishasi* [2015] 3 CLJ 789, Mahkamah Rayuan memutuskan seperti yang berikut: A

> [60] Having regard to the totality of the evidence, the surrounding circumstances and the probabilities of the case, we do not think that justice had been done to the prosecution. It is our finding that contrary to the learned trial judge's finding, the trafficking charge had been proved beyond reasonable doubt. In *Arab-Malaysian Finance Berhad v. Steven Phoa Cheng Loon & Ors* [2003] 1 CLJ 585, the Court of Appeal quoted with approval the following passage by Lord Pearce in *Onassis and Calogeropoulus v. Vergottis* [1968] 2 Lloyd's Rep 403 at p. 430: B
>
> > The function of a Court of Appeal is to set aside a judgment that should not be allowed to stand because it occasions a substantial wrong or miscarriage of justice. That wrong or miscarriage of justice may consist of a judgment in favour of the wrong party. It may also consist of a failure in the judicial process to which both parties are entitled as of right, namely, the weighing of their respective cases and contentions. Such failure may constitute a wrong or miscarriage of justice even tough it may appear that the appellant may in the end fail to secure a judgment in his favour but the fact that the right party seems to have succeeded in the court below will naturally make a Court of Appeal extremely reluctant to interfere, and it would only do so in the rarest cases. Such matters are questions of degree. C D E

[38] Berasaskan kepada keterangan-keterangan yang telah dihuraikan di atas, mahkamah ini berpendapat adalah jelas puan Majistret telah khilaf apabila memutuskan di akhir kes pembelaan, responden telah berjaya menimbulkan keraguan yang munasabah ke atas kes pihak pendakwaan. Mahkamah ini berpendapat ia adalah sebaliknya iaitu responden telah gagal untuk menimbulkan sebarang keraguan yang munasabah ke atas kes pihak pendakwaan. Responden didapati bersalah dan disabitkan di atas pertuduhan. Rayuan perayu dibenarkan dan perintah pelepasan dan pembebasan responden oleh puan Majistret diketepikan. F

Hukuman G

[39] Setelah mendengar rayuan ringan hukuman oleh responden dan penghujahan balas oleh TPR, mahkamah telah menjatuhkan hukuman denda RM3,000 jika gagal enam bulan penjara ke atas responden. Untuk perintah tambahan seperti yang diperuntukkan di bawah s. 3(1)(h) Akta Kesalahan Pilihan Raya 1954, responden tidak boleh didaftarkan dan disenaraikan sebagai seorang pemilih atau mengundi dalam mana-mana pilihan raya atau dipilih dalam mana-mana pilihan raya sehingga tamat tempoh lima tahun dari tarikh sabitan 27 Mei 2016. H

I